

Matrix Concepts sasar jualan RM1.6b bagi tahun kewangan 2026

Oleh **NUR SHARIEZA ISMAIL**
ekonomiutusan@mediamulia.com.my

SEREMBAN: Pemaju hartanah, Matrix Concepts Holdings Bhd (Matrix Concepts) menyasarkan jualan berjumlah RM1.6 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2026, sekali gus menandakan fasa pertumbuhan baharu syarikat itu.

Pengerusi Kumpulan, Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin, bagi mencapai sasaran berkenaan, kumpulan itu merancang pelancaran projek bernilai sehingga RM1.7 bilion dalam tahun kewangan 2026, dengan tumpuan utama di pembangunan perbandaran Bandar Sri Sendayan, Negeri Sembilan serta pengembangan ke kawasan berpotensi tinggi seperti Lembah Klang dan Johor.

“Tahun kewangan 2026 akan menjadi titik perubahan penting apabila kami mula menuai hasil daripada strategi pertumbuhan pelbagai hala yang telah dirancang sejak dua tahun lalu,” katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) syarikat di Bandar Sri Sendayan semalam.

Antara pelancaran utama yang dirancang termasuk projek kediaman bertingkat tinggi Levia Puchong, susulan sambutan menggalakkan terhadap Levia Residences di Cheras.

Di samping itu, kumpulan juga melancarkan fasa pertama tanah industri di Malaysia Vision



MOHAMAD Haslah Mohamad Amin (tengah) bersama Pengasas dan Timbalan Pengerusi Eksekutif Kumpulan, Datuk Seri Lee Tian Hock (kiri sekali) serta Pengarah Eksekutif Kumpulan, Kelvin Lee pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) syarikat di Bandar Sri Sendayan, semalam.

Valley City (MVV City) dengan GDV RM628.3 juta, yang telah mendapat sambutan luar biasa.

Katanya, kumpulan turut menyasarkan keuntungan lepas cukai sebanyak RM260 juta bagi tahun kewangan 2026, meningkat 21.5 peratus daripada RM214 juta yang dicatatkan tahun sebelumnya.

Menurut Mohamad Haslah, pembangunan MVV City dengan potensi GDV keseluruhan RM15 bilion juga akan menjadi pemangkin utama pertumbuhan jangka panjang syarikat, memanfaatkan

permintaan kediaman berkualiti dan mampu milik dari Lembah Klang.

“Di selatan tanah air, Matrix Concepts memperkukuh kehadiran di Johor menerusi pelancaran projek kediaman mampu milik di Bandar Seri Impian, Kluang, yang dijangka menerima manfaat daripada penyediaan perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) Kluang-Johor Bahru.

Dalam perkembangan lain, kata beliau, pengambilalihan Kumpulan Syarikat Horizon L&L Sdn. Bhd. (Kumpulan HLL) mem-

perkukuh keupayaan Matrix Concepts untuk menjana hasil serta-merta di Lembah Klang menerusi pembangunan di kawasan berpotensi tinggi seperti Sepang dan Banting, Selangor.

“Dua pembangunan di bawah Horizon L&L dengan jumlah GDV RM738 juta dijangka dilancarkan dalam tempoh 12 bulan akan datang.

“Pengambilalihan Horizon L&L bukan sahaja meningkatkan kapasiti teknikal dalam pembangunan bertingkat tinggi, tetapi juga memperkukuh kehadiran



Tahun kewangan 2026 akan menjadi titik perubahan penting apabila kami mula menuai hasil daripada strategi pertumbuhan pelbagai hala yang telah dirancang sejak dua tahun lalu.”

MOHAMAD HASLAH
MOHAMAD AMIN

kami di Lembah Klang, seiring aspirasi untuk menjana 30 peratus hasil daripada luar Negeri Sembilan,” katanya.

Beliau berkata, kumpulan turut melaksanakan strategi jangka panjang merangkumi pengambilalihan, pelaburan luar negara, serta pengembangan dalam sektor pendidikan dan penjagaan kesihatan bagi memperkukuh ekosistem syarikat.

“Dengan pelan hala tuju yang jelas, rangkaian pelancaran kukuh serta projek transformasi seperti MVV City, kami yakin dapat mengekalkan momentum jualan TK2026 dan mencipta nilai jangka panjang untuk pegang taruh,” katanya lagi.